



## SIARAN MEDIA

### PERTANDINGAN INOVASI KPKT BERI GALAKAN WARGA KERJA MENCIPTA INOVASI TERBAHARU

---

**PUTRAJAYA, 28 Oktober 2024** - YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menghadiri **Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (HIKPKT) Tahun 2024** di sini.

Sambutan HIKPKT 2024 yang bertemakan "**Aspirasi Inovasi Memacu MADANI**" merupakan acara tahunan yang menghimpunkan penciptaan inovasi-inovasi terbaharu hasil kreativiti warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sebanyak lapan (**8**) kategori **Pertandingan Inovasi KPKT** telah dipertandingkan seperti **Anugerah Inovasi Menteri (AIM)**, **Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**, **Anugerah Persembahan Terbaik (KIK)**, **Anugerah Dokumentasi Terbaik (KIK)**, **Pertandingan Pameran Terbaik**, **Anugerah Inovasi Harapan**, **Pertandingan Mencipta Logo Inovasi KPKT** dan **Pertandingan Mencipta Tagline Inovasi KPKT**. (Senarai pemenang rujuk di Lampiran).

Sebanyak 53 penyertaan telah diterima untuk tahun 2024 berbanding 25 penyertaan tahun lalu. Daripada jumlah itu, 16 penyertaan diterima untuk pertandingan AIM dan 37 merupakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang menyertai Pertandingan Inovatif dan Kreatif.

Projek-projek inovasi ini adalah daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), PR1MA dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

YB KM dalam ucapannya berkata "Pelaksanaan AIM dan KIK setiap tahun berjaya menghasilkan banyak menghasilkan produk-produk inovasi baharu termasuk yang telah dipaten dan dikomersialkan. Justeru, saya amat berbangga dengan kreativiti warga KPKT yang telah menunjukkan kebolehan luar biasa setiap kali berlangsungnya Hari Inovasi KPKT,".

Tahun lalu, warga KPKT telah memenangi Anugerah Inovasi Sektor Awam (AInSA) bagi trek ekonomi melalui PBTPay-Inovasi Gerbang ePembayaran Berpusat Sektor Awam

dan trek keselamatan dan pentadbiran melalui projek Audio Frequency Intercept System (AFIS).

Projek AFIS ini juga turut dinobatkan Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) tahun 2024. Ini secara tidak langsung telah membuka laluan bagi pengiktirafan inovasi KPKT di persada perkhidmatan awam.

HIKPKT merupakan komitmen tahunan KPKT untuk memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan warganya seiring dasar-dasar inovasi kerajaan seperti Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN), Dasar Pendigitilan Negara (DPN) serta Teras Ketiga daripada Enam (6) Nilai Teras Malaysia MADANI iaitu Daya Cipta.

Turut hadir pada HIKPKT 2024 ini adalah YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampanan dan Perancangan Strategik) KPKT dan YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT.

*#MalaysiaMADANI*

*#StrongerTogether*

*#DemiPertiwi*

*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

**UKK**  
**K P K T**